

Pelantikan 30 bayang hasrat PM lihat komposisi MT seimbang

PETALING JAYA 1 Julai — Naib Presiden UMNO, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, pelantikan 10 anggota Majlis Tertinggi (MT) UMNO yang diumumkan semalam membayangkan hasrat pucuk pimpinan untuk melihat komposisi seimbang dalam majlis itu.

Kata beliau, Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad telah melakukan pembaharuan yang wajar termasuk melantik tiga wanita dalam barisan baru MT.

“Pelantikan muka-muka baru dalam MT juga menampakkan suatu pembaharuan.

Kewibawaan

“Kemungkinan juga Dr. Mahathir ingin mendengar pendapat dan melihat kewibawaan orang baru,” katanya pada sidang akhbar selepas menjadi tetamu rancangan *Malaysia Hari Zini* di TV3 di sini, hari ini.

Najib menyatakan demikian ketika diminta mengulas mengenai pelantikan 10 anggota MT yang diumumkan semalam.

Mereka yang dilantik ialah Datuk Seri Shahidan Kassim, Datuk Abdul Ghani Othman, Datuk Seri Osu Sukam, Tan Sri Musa Mohamad, Tengku Razaleigh Hamzah, Datuk Idris Jusoh, Azimi Daim, Dr. Siti Zaharah Sulaiman, Dr. Norraesah Mohamad dan Azlina Othman.

Najib turut menambah, pelantikan muka baru ini juga dilihat sebagai salah satu strategi untuk menarik minat generasi muda di negara ini untuk menghayati perjuangan UMNO.